



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil.49
No.22

27hb Oktober 2005

*TAMBAHAN NO.11
PERUNDANGAN*

Pg. P.U.19

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG 1993

ADMINISTRATION OF ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS
ENACTMENT OF THE STATE OF PENANG 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 37
FATWA UNDER SECTION 37

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993, seperti yang dinyatakan dalam Jadual, Mufti bagi Negeri Pulau Pinang membuat fatwa.

IN exercise of the powers conferred by section 37 of the Administration of Islamic Religious Affairs Enactment of the State of Penang 1993, as specified in the Schedule, the Mufti of the State of Penang makes the *fatwa*.

JADUAL/SCHEDEULE

FATWA MENGENAI ANAK TAK SAH TARAF

- a) Anak Tak Sah Taraf ialah:
- i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
 - ii. Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua lahzah (saat) mengikut takwim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).
- b) Anak tak sah taraf sama ada diikuti dengan perkahwinan pasangan itu atau tidak hendaklah dibinkan atau dibintikan kepada “*Abdullah*”.
- c) Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau kepada sesiapa yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh itu tidak boleh pusaka-mempusakai dan tidak menjadi mahram antara keduanya.
- d) Lelaki yang menyebabkan kelahiran anak tak sah taraf atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tak sah taraf tersebut.

أ انق تق صح طرف اياله:

أ انق بع دلاهيركن دلوار نکاح سمادا عقبیة زنا او روکول دان دی بوکن درقد ڤرستوبو هن شبهاه
او بوکن درقد انق ڤرهمبأن.

ب انق دلاهيركن کورغ دري انم بولن دوا لحظة (ساعة) مغيکوت تقویم قمریه درقد تاریخ تمکین
(ستوبوه).

ب انق تق صح طرف سمادا دایکوتی دعن ڦرکھوینن ڦاسغٽ ایت او تیدق هندقله دبنکن او دبننکن کڻد
"عبدالله"

ج انق تق صح طرف تیدق بولیه دبنکن کڻد للاکي بع مپیکن کلاهیرنث او کڻد سسیاچ بع معاکو منجادی
باڻ کڻد انق ترسبوت. او ليه ایت تیدق بولیه ڦوساك-ممقوساکاءی دان تیدق منجادی محرم اتارا کدوان.

د للاکي بع مپیکن کلاهیران انق تق صح طرف او بع معاکو منجادی باڻ کڻد انق ترسبوت تیدق بولیه
منجادی والي کڻد انق تق صح طرف ترسبوت.

Bertarikh 30 September 2005

Dated 30 September 2005

[PU/PP 3200 Jld.1]

DATO' HAJI HASSAN BIN HAJI AHMAD

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Mufti of the State of Penang